

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: MAHARAM BINTI MAMAT (No. K.P/Pasport: 730119035150)

No. Pendaftaran/Matrik: JHA040002

Nama Ijazah: IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**ALAM SEKITAR DALAM NOVEL-NOVEL PENULIS SARAWAK:
ANALISIS KRITIKAN EKO**

Bidang Penyelidikan: SASTERA ALAM SEKITAR

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (UM) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

ALAM SEKITAR DALAM NOVEL-NOVEL PENULIS SARAWAK: ANALISIS KRITIKAN EKO

ABSTRAK

Kajian ini menggunakan pendekatan Eko untuk menganalisis bagaimana penulis Sarawak menterjemahkan alam sekitar dalam karya berdasarkan isu-isu yang diangkat dalam novel mereka. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis bentuk persaingan antara spesies yang terdapat dalam novel, mengkaji punca berlaku kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran dalam karya, meneliti kesan guna tanah terhadap alam sekitar dan menganalisis gaya bahasa bagi menggambarkan unsur alam yang terdapat dalam novel Sarawak terpilih. Kajian ini menemukan bahawa novel yang dihasilkan berjaya menyelami bagaimana kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran berlaku, seterusnya mempersembahkan kesan guna tanah terhadap alam sekitar akibat pelbagai aktiviti manusia terhadap alam. Berdasarkan analisis, didapati terdapat kecenderungan pengarang untuk mengangkat elemen alam sekitar dalam karya dan cuba meningkatkan kesedaran pembaca tentang kepentingan alam melalui paparan kesan dan impak terhadap alam sekitar. Persaingan antara spesies diaplikasikan dalam novel berdasarkan persaingan interspesies dan intraspesies melibatkan penjajah, orang yang dijajah, masyarakat peribumi dan kepercayaan terhadap kuasa supernatural. Impak terhadap persekitaran berlaku disebabkan degradasi hutan secara tidak terkawal, kemerosotan mutu kehidupan akibat pencemaran, kemusnahan ekologi, dan warisan budaya akibat penenggelaman hutan untuk pembinaan empangan. Kesedaran tentang kepentingan cara hidup yang seimbang

antara pembangunan material dan kesejahteraan hidup secara semulajadi di persekitaran yang sihat menyebabkan wujud kesedaran untuk mengaplikasikan pembangunan lestari, serta corak pembalakan dan pertanian mampan. Elemen alam sekitar yang digunakan melalui bahasa dan ekologi dikesan berdasarkan bagaimana pengarang mengimplementasikan lambang dan bahasa kiasan dalam novel. Penggunaan lambang melibatkan unsur alam abiotik dan biotik, manakala kiasan tentang alam dalam karya diungkapkan melalui penggunaan personifikasi, metafora dan simili dalam novel.

ENVIRONMENTAL IN NOVELS BY SARAWAK AUTHOR: ANALYSIS OF EKOCRITISM

ABSTRACT

This research uses the ecology approach to analyze how the Sarawak Author translates environment issues into their novels. The objective of this study is to analyze the competition between the species found in the novel, studying the cause's deterioration of environmental quality due to pollution in the paper, examines the effects of land use on the environment and analyzes the style of language to describe the natural elements found in Sarawak novel selective. This study found that the novel produced successful dive into how the deterioration of environmental quality due to contamination occur, thereby presenting the effects of land use on the environment due to various human activities on the environment. Based on the analysis, the authors found that there is a tendency to lift the environmental element in their work and try to raise awareness of the importance of nature through exposure to the effects and impact on the environment. Competition between species applied in the novel by inter-species competition and intra-species involving invaders, the colonized peoples, indigenous peoples and belief in supernatural powers. The impact on the environment caused by uncontrolled forest degradation, deterioration of quality of life due to pollution, ecological destruction, and cultural heritage due to subsidence of the forest for the construction of the dam. Awareness about the importance of a balanced lifestyle between material development and well-being naturally in a healthy environment cause significant

awareness to apply sustainable development and sustainable patterns of logging and agriculture. Environmental elements that are used by languages and ecology tracked by how the author implements icons and figurative language in the novel. The symbolism involved abiotic and biotic, the inherent capacity of an organism or species to reproduce and survive of natural elements, while the metaphor of nature in the work is expressed through the use of personification, metaphors and similes.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, para sahabat, kaum kerabat, para solehin, sekalian ambiya' dan para syuhada, serta umat Islam seluruhnya.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Ilahi dipanjatkan kerana dengan limpah kurnia-Nya, akhirnya dapat juga diselesaikan penulisan tesis ini biarpun dalam getir dan payah. Alhamdulillah, dengan kekuatan-Nya jua, naskah kajian ini akhirnya dilengkapkan sehingga sebegini rupa.

Pertama dan paling ulung, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada tokoh Penyelia tesis ini, iaitu Prof. Madya Dr. Hashim Ismail yang turut mengisi jerih payah dan perit getir sebuah perjuangan yang panjang. Terima kasih segunung intan kerana sentiasa meluangkan masa untuk menyemak, menyumbangkan buah fikiran, memberi bimbingan dan menjadi mahaguru yang amat bermakna sepanjang penulisan tesis ini. Beliau banyak memainkan peranan dalam penulisan ini dengan tahap kesabaran, ketekunan dan ketelitian yang amat tinggi apabila menyemak, memberikan saranan dan komentar serta bimbingan sehingga noktah terakhir diturunkan. Kesabaran beliau melayan kerenah saya sepanjang tempoh ini menjadi tulang belakang dan beliau sentiasa bersedia membantu sepanjang proses menyiapkan penulisan tesis ini. Sesungguhnya, setiap pengorbanan masa, tenaga dan pemikiran yang tidak terhingga nilainya ini sangat dihargai. Hanya Allah yang mampu membalas segala jasa baik beliau.

Rakaman penghargaan juga ditujukan khas kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan Hadiah Cuti Belajar yang memberi peluang kepada saya melanjutkan pengajian ke peringkat ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan di Pusat Citra Universiti, UKM yang sentiasa memberi galakan, dorongan dan prihatin, terutama Dr. Johari Talib dan Dr. Roosfa Hashim yang banyak membantu mencambahkan idea, memberi pendapat dan pandangan tentang kajian ini. Tidak lupa juga Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri Haron dan Prof. Madya Dr. Khalim Zainal yang selalu menjadi pakar rujuk ketika kebuntuan sekalipun ilmu berkenaan dititipkan kala berselisih di jalanan.

Rasa penghargaan juga ditujukan kepada individu yang banyak membantu saya dalam pelbagai aspek berhubung kajian ini. Mereka ialah Bekas Timbalan Pengarah Unit Perancang Negeri di Jabatan Ketua Menteri Sarawak; Puan Mareia Datuk Hasan, Encik Awi Abang, Encik Taher Mohd Sharee dan Encik Andrew Tukau Salang, di Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Sarawak; Encik Nikolas, sementara Abang Patdeli Abang Muhi di Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Kuching, dan ramai lagi yang nama mereka tidak disebutkan di sini

terutama di Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sarawak, Jabatan Perhutanan Negeri, Unit Perancang Negeri Sarawak, dan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia, di Ampang.

Penghargaan juga dihulurkan kepada institusi-institusi yang membantu saya dalam menyiapkan kajian ini, khususnya Perpustakaan-perpustakaan Utama di Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya, Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, Perpustakaan Tun Jugah Kuching Sarawak, Perpustakaan Orang Asli Gombak dan sebagainya. Rasa penghargaan juga diberikan atas kerjasama daripada kakitangan di Muzium Negeri Sarawak, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sarawak, Jabatan Perhutanan Negeri, Unit Perancang Negeri Sarawak, seterusnya semua pihak yang terlibat.

Akhir sekali, dedikasi yang paling istimewa saya rakamkan kepada seluruh keluarga yang dikasihi. Tidak ketinggalan sekalung terima kasih tak terkira buat sahabat paling akrab, Hazatul Syiza Mhd. Hasan dan Puan Maisarah Yaacob yang banyak mendengar keluh kesah derita minda sepanjang bergelut dengan kajian ini. Terima kasih tak terkira kerana mereka juga banyak membantu, mendorong, memahami dan berkompromi sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini. Kepada semua yang disebutkan atau yang tidak disebutkan nama mereka di sini, terimalah kalungan rasa penghargaan yang seikhlas hati daripada saya. Tidak terlalu cukup ungkapan terima kasih untuk dilafazkan, semoga Allah jua memberi ganjaran dengan segala bakti yang dicurahkan selama ini.

13hb Mac 2015/ 22 Jamadil Awal 1436H

MAHARAM BINTI MAMAT
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

KANDUNGAN HALAMAN

	KANDUNGAN	Halaman
	Pengakuan	i
	Abstrak	ii
	Abstract	iv
	Penghargaan	vi
	Kandungan	viii
	Senarai Rajah	xi
	Senarai Jadual	xii
	Senarai Lampiran	xiii
Bab 1	PENDAHULUAN	1
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Permasalahan Kajian	5
1.3	Objektif Kajian	9
1.4	Persoalan Kajian	10
1.5	Metodologi Kajian	10
	1.5.1 Reka bentuk Kajian	10
	1.5.2 Batasan Kajian	11
	1.5.3 Kajian Eko dalam Novel Sarawak	15
	1.5.4 Kepentingan Kajian	19
1.6	Konsep-konsep	20
	1.6.1 Alam sekitar	20
	1.6.2 Ekologi	24
	1.6.3 Ekosistem	25
	1.6.4 Kritikan Eko	26
	1.6.6 Spesies	27
	1.6.7 Persaingan antara Spesies	28
1.7	Kajian Lepas	30
1.8	Organisasi Bab	40
1.9	Kesimpulan	42
Bab 2	KRITIKAN EKO DALAM KESUSASTERAAN MELAYU	44
2.0	Pengenalan	44
2.1	Definisi kritikan Eko	45
2.2	Hubungan Antara Manusia, Alam dan Sastera	49
2.3	Kritikan Eko dalam Sastera	55
	2.3.1 Ruang Lingkup Kritikan Eko	60

	2.3.2	Kritikan Eko William Howarth	68
2.4		Kritikan Eko dalam Novel Sarawak	71
	2.4.1	Persaingan antara spesies	72
	2.4.2	Kemerosotan Mutu Alam Sekitar Akibat Pencemaran	73
	2.4.2.1	Pencemaran Air	75
	2.4.2.2	Pencemaran Bunyi	77
	2.4.2.3	pencemaran udara	77
	2.4.3	Kesan Guna Tanah Terhadap Alam Sekitar	79
	2.4.3.1	Pembalakan	80
	2.4.3.2	Pembinaan Empangan	83
	2.4.3.3	Pertanian	84
	2.4.4	Gaya Bahasa dan Ekologi	86
2.5		Kesimpulan	87
BAB 3:		PERSAINGAN ANTARA SPESIES DALAM NOVEL	90
3.0		Pengenalan	90
3.1		Persaingan Antara Spesies Dalam Novel Kajian	91
	3.1.1	Persaingan Intraspesies	91
	3.1.1.1	Persaingan Antara Manusia dan Manusia	91
	3.1.1.1.1	Persaingan antara Peribumi dan Masyarakat Luar	92
	3.1.1.1.2	Persaingan antara Penjajah dan Masyarakat Tempatan	107
	3.1.2	Persaingan Interspesies	117
	3.1.2.1	Persaingan Antara Manusia dan Alam	117
	3.1.2.1.1	Persaingan antara Penjajah dan Alam	118
	3.1.2.1.2	Persaingan antara Peribumi dan Alam	122
	3.1.2.2	Persaingan Antara Masyarakat Peribumi dan Tuhan @ Kuasa supernatural	131
3.2		Kesimpulan	147
Bab 4:		KEMEROSOTAN MUTU ALAM SEKITAR AKIBAT PENCEMARAN	151
4.0		Pengenalan	151
4.1		Alam Sekitar Sarawak dalam Novel	151
4.2		Kemerosotan Mutu Alam Sekitar Akibat Pencemaran	156
	4.2.1	Kemerosotan Mutu Alam Sekitar Akibat Pencemaran Air	156
	4.2.2	Kemerosotan Mutu Alam Sekitar Akibat	176

	Pencemaran Bunyi	
	4.2.3 Kemerosotan Mutu Alam Sekitar Akibat Pencemaran Udara	188
4.3	Kesimpulan	195
Bab 5:	KESAN GUNA TANAH TERHADAP ALAM SEKITAR	199
5.0	Pengenalan	199
5.1	Kesan Guna Tanah Terhadap Alam Sekitar dalam Novel Kajian	199
	5.1.1 Guna Tanah Untuk Pembalakan	201
	5.1.2 Guna Tanah Untuk Pembinaan Empangan	232
	5.1.3 Guna Tanah Untuk Aktiviti Pertanian	252
5.2	Kesimpulan	266
Bab 6:	GAYA BAHASA DAN EKOLOGI	270
6.0	Pengenalan	270
6.1	Penggunaan lambang dalam karya	270
	6.1.1 Alam Abiotik	271
	6.1.1.1 Alam Sekitar Semulajadi	271
	6.1.1.2 Alam Sekitar Buatan Manusia	278
	6.1.2 Alam Biotik	282
	6.1.2.1 Flora	282
	6.1.2.2 Fauna	284
6.2	Gaya Bahasa Kiasan dalam karya	287
	6.2.1 Personifikasi	289
	6.2.1.1 Memanusiakan Perbuatan Alam	289
	6.2.1.2 Memanusiakan Anggota Badan Alam	296
	6.2.1.3 Memanusiakan Sifat Alam	298
	6.2.2 Metafora	299
	6.1.3 Simili	307
6.2	Kesimpulan	311
Bab 7:	KESIMPULAN	313
7.0	Pengenalan	313
7.1	Kepentingan dan sumbangan Kajian	313
7.2	Penemuan Kajian	316
7.3	Cadangan Penyelidikan	335
7.4	Kesimpulan	338
	Bibliografi	340
	Lampiran	374

SENARAI RAJAH

Bil.	SENARAI RAJAH	HALAMAN
1.1	Komponen Alam Sekitar Fizikal	22
1.2	Interaksi Antara Komponen Alam Sekitar Fizikal dan Manusia	23
2.3	Aspek Kajian dalam Komponen Alam Sekitar	72
2.4	Komponen Kajian Persaingan Antara Spesies	73

SENARAI JADUAL

Bil.	SENARAI JADUAL	HALAMAN
1	Jadual 2.0: Indeks Kualiti Air Sungai	374
2	Jadual 2.1: Klasifikasi Kualiti Air Sungai	374
3	Jadual 2.2: Kualiti Air Sungai Di Malaysia, 1992–1999 (peratus)	374
4	Jadual 2.3: Status Kualiti Air Dalam Lembangan Sungai “Bersih” di Sarawak pada 2001	375
5	Jadual 2.4: Status kualiti air dalam lembangan Sederhana Tercemar di Sarawak pada 2001	376
6	Jadual 2.5: Status Kualiti Air Sungai “Bersih”, di Sarawak tahun 2007	377
7	Jadual 2.6: Status kualiti air sungai Sederhana Tercemar di Sarawak (2007)	378
8	Jadual 2.7: pelepasan bahan cemar yang dilepaskan ke udara Malaysia pada 2000 hingga 2002	378
9	Jadual 2.8: Indeks Pencemaran Udara di Miri & kuching Sarawak pada 2002-2007	378
10	Jadual 2.9: tahap indeks kualiti udara IPU	79
11	Jadual 2.10: Peratus Co2 (Per Kapita Tenaga) dibebaskan seluruh dunia pada 2002	379
12	Jadual 2.11: Kawasan Berhutan dan Tidak Berhutan di Malaysia dan Sarawak tahun 1998-2002	379
13	Jadual 2.12: Keluasan Hutan, Pengeluaran Kayu Balak Dan Kayu Gergaji Pada Tahun 2003 – 2007	380
14	Jadual 2.13: Pengeluaran Produk Kayu Kayan Utama Malaysia dan Sarawak pada 1998-2008 (meter padu)	380
15	Jadual 2.14 Senarai Taman Negara di Sarawak	381
16	Jadual 2.15 Permintaan Tenaga di Sarawak pada 2030	83
17	Jadual 2.16 Penjanaan Tenaga Elektrik Di Malaysia Dan Sarawak Pada 1998-2008 (Juta KWH)	382
18	Jadual 3.1 Kepelbagaian Suku Kaum Di Sarawak	383
19	Jadual 4.0 Taburan Penan Di Sarawak (berdasar kawasan) pada 2006	385

SENARAI LAMPIRAN

BIL.	SENARAI LAMPIRAN	HALAMAN
1	Jadual 2.0: Indeks Kualiti Air Sungai	374
2	Jadual 2.1: Klasifikasi Kualiti Air Sungai	374
3	Jadual 2.2: Kualiti Air Sungai Di Malaysia, 1992–1999 (peratus)	374
4	Jadual 2.3: Status Kualiti Air Dalam Lembangan Sungai “Bersih” di Sarawak pada 2001	375
5	Jadual 2.4: Status kualiti air dalam lembangan Sederhana Tercemar di Sarawak pada 2001	376
6	Jadual 2.5: Status Kualiti Air Sungai “Bersih”, di Sarawak tahun 2007	377
7	Jadual 2.6: Status kualiti air sungai Sederhana Tercemar di Sarawak (2007)	378
8	Jadual 2.7: pelepasan bahan cemar yang dilepaskan ke udara Malaysia pada 2000 hingga 2002	378
9	Jadual 2.8: Indeks Pencemaran Udara di Miri & kuching Sarawak pada 2002-2007	378
10	Jadual 2.10: Peratus Co2 (Per Kapita Tenaga) dibebaskan seluruh dunia pada 2002	379
11	Jadual 2.11: Kawasan Berhutan dan Tidak Berhutan di Malaysia dan Sarawak tahun 1998-2002	379
12	Jadual 2.12: Keluasan Hutan, Pengeluaran Kayu Balak Dan Kayu Gergaji Pada Tahun 2003 – 2007	380
13	Jadual 2.13: Pengeluaran Produk Kayu Kayan Utama Malaysia dan Sarawak pada 1998-2008 (meter padu)	380
14	Jadual 2.14 Senarai Taman Negara di Sarawak	381
15	Jadual 2.16 Penjanaaan Tenaga Elektrik Di Malaysia Dan Sarawak Pada 1998-2008 (Juta KWH)	382
16	Jadual 3.1 Kepelbagaian Suku Kaum Di Sarawak	383
17	Jadual 4.0 Taburan Penan Di Sarawak (berdasar kawasan) pada 2006	385